



## 20 pasukan dijangka sertai perlumbaan Le Tour de IPT

Oleh **Nazri Abu Bakar** - Mac 25, 2023 @ 6:38pm  
[bhsukan@bh.com.my](mailto:bhsukan@bh.com.my)



Timbalan Setiausaha Bahagian Seksyen Sukan, Bahagian Perancangan Strategik KPT, Datuk Dr Pekan Ramli (berjaket kuning hitam) pada perasmian penutupan Bengkel Pelaksanaan Penganjuran LTdIPT di UTeM, Melaka.

AYER KEROH: Sebanyak 20 pasukan dijangka bersaing pada perlumbaan Le Tour de IPT (LTdIPT) 2023 anjuran Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) dengan kerjasama Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) yang dijadualkan di beberapa lokasi pada pertengahan Jun ini.

Timbalan Setiausaha Bahagian Seksyen Sukan, Bahagian Perancangan Strategik KPT, Datuk Dr Pekan Ramli berkata kejohanan diharap memberi nafas lebih segar dalam pembentukan atlet berbasikal dalam kalangan mahasiswa di negara ini.

Katanya, peringkat pertama membabitkan jarak 84.8km dari UTeM ke Kolej Komuniti Segamat pada 16 Jun, diikuti dari UTeM ke Politeknik Port Dickson sejauh 83.9km (17 Jun) dan peringkat ketiga dari Politeknik Port Dickson ke Universiti Putra Malaysia (UPM) Serdang dengan jarak 89.1km pada 18 Jun.

Bagi peringkat keempat pula, ia bermula dari Universiti Tenaga Nasional (UNITEN) Bangi ke Universiti Teknologi MARA (UiTM) Puncak Alam sejauh 82.3km (19 Jun) dan peringkat terakhir membabitkan saingen di Putrajaya sejauh 84.3km pada 20 Jun.

"Keseluruhan jarak perlumbaan adalah membabitkan sejauh 424.4km. Ini adalah antara usaha kita dalam membantu memperkasakan program sukan berprestasi tinggi dalam kalangan atlet IPT.

"Dengan penganjuran LTdIPT 2023, ia bakal menjadi saingen kompetitif dalam kalangan atlet IPT sekali gus platform buat mereka untuk menonjol terutama dalam kalangan bakat baru.

"Kami yakin kejohanan ini bakal mengetengahkan lebih ramai atlet untuk mewakili negara pada masa hadapan dan dalam masa sama pentas untuk pembentukan pasukan terbaik dalam kalangan IPT untuk menyertai kejohanan yang lebih besar," katanya selepas merasmikan penutupan Bengkel Pelaksanaan Penganjuran LTdIPT di UTeM di sini.

Pekan juga berharap perlumbaan berkenaan akan menjadi ruang buat pengurusan membentuk jaringan yang lebih padu dalam pembinaan atlet berbasikal terbaik sebagai feeder atau pembekal kepada pasukan negara.

Malah beliau yakin kejohanan berkenaan bakal membabitkan penyertaan atlet IPT antarabangsa pada masa hadapan.